

Menteri Pendidikan Namibia terima PhD daripada AeU

» Kajian kesamarataan hak pendidikan berkualiti untuk rakyat diiktiraf

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Majlis Konvokesyen ke-4 Asia e University (AeU) yang diadakan September lalu bukan saja meraikan kejayaan pelajarnya tetapi turut mencipta sejarah tersendiri apabila acara kemuncak bagi kali ini adalah penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kepada Menteri Pendidikan Republik Namibia, Dr David Richard Namwandi.

Namwandi memulakan pengajian PhD di AeU sejak 2007 dengan menyiapkan kajian ilmiahnya yang bertajuk *Implementation Of The Southern African Development Community Protocol On Education And Training And Its Impact On Economic Development: A Case Study Of Namibia And Zimbabwe*.


Penyelidikan beliau tertumpu kepada kegagalan Pelaksanaan Protokol Pembangunan Latihan dan Pendidikan Masyarakat Afrika Selatan (SADC-PET).

Walaupun objektif SADC-PET adalah jelas dalam membangunkan sistem pendidikan dan latihan yang adil dan harmoni di semua negara SADC, kajian berkenaan berjaya mengenal pasti bahawa amalan polisi pendidikan nasional yang berbeza di kalangan negara SADC adalah faktor utama yang melengahkan implementasi program itu.


Beliau adalah tokoh terbilang dalam memajukan pendidikan tinggi Namibia malah beliau yakin dengan kesamarataan hak mendapat pendidikan berkualiti untuk semua rakyat Namibia.

Namwandi dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan Republik Namibia pada Mac 2010 dan dilantik secara rasmi sebagai Menteri Pendidikan selepas kematian Menteri Pendidikan, Abraham Lyombo pada Februari 2013. Selain itu beliau juga adalah seorang ahli jawatankuasa Pusat kepada Parti Pemerintah di Namibia, parti SWAPO.

Beliau mempunyai pengalaman luas sebagai ahli lembaga dan pengerusi kepada beberapa syarikat dan institusi pendidikan, termasuk menjadi ahli lembaga Majlis Kebangsaan untuk Pendidikan Tinggi (the National Council of Higher Education (NCHE) di mana beliau adalah pengerusi Jawatankuasa Jaminan Kualiti dan Ak-



Namwandi (kiri) menerima skrol PhD daripada Pengerusi AeU, Prof Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Halim.



Namwandi (tiga dari kiri) bersama penerima ijazah PhD.

reditasi (Accreditation and Quality Assurance Committee) dan juga Naib Pengerusi dalam Forum Naib Canselor dan Rektor (VCRF).

Namwandi adalah pengasas kepada satu-satunya universiti swasta yang diiktiraf di Namibia, iaitu International University of Management (IUM) yang terletak di Windhoek Namibia.

Terima banyak anugerah

Sebagai tokoh yang berkaliber, beliau menerima banyak anugerah dan pengiktirafan atas sumbangan besar beliau terhadap masyarakat setempat dan sejagat, malah beliau juga adalah Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Namibia bagi UNESCO.

Antara anugerah yang diterima ialah Anugerah Kepimpinan Pendidikan, pada World Marketing Summit di Malaysia (2013), Anugerah Sumbangan Kecemerla-

ngan Pendidikan, Bank Pusat India di Mumbai, India (2012) dan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, Kepimpinan Antarabangsa Sekolah Kategori B, Le Matinal di Mauritius (2011).

Menyorot kembali pengalamannya di AeU, Namwandi yakin bahawa PhD yang digenggamnya dapat melebarkan kefahaman

“Program PhD yang saya ambil dapat mengubah persepsi saya mengenai kehidupan. Banyak yang saya pelajari di AeU”

Dr David Richard Namwandi,
Menteri Pendidikan
Republik Namibia

dan pengetahuannya mengenai wilayah serantau dan ke serata dunia serta percaya hasil kajiannya akan menjadi sumber inspirasi kepada penyelidik untuk meneruskan kajian yang sama ke atas 13 buah negara ADC lain.

“Program PhD yang saya ambil dapat mengubah persepsi saya mengenai kehidupan. Banyak yang saya pelajari di AeU, antaranya berhubung kajian dalam bidang pentadbiran pendidikan yang mana saya dapati ia sangat berguna dan berkaitan khususnya mengenai perkara yang amat saya titikberatkan.

“Sepanjang tempoh pengajian saya, keluarga adalah pendorong paling kuat. Bagi saya, kata kunci untuk pengajian PhD adalah sentiasa memberi peluang kepada diri untuk terus belajar mempertingkatkan diri menerusi pembelajaran sepanjang

hayat,” katanya.

Dalam tempoh tujuh tahun, AeU berjaya membina reputasi cemerlang sebagai sebuah institusi pilihan yang menyediakan wadah memperkasa ilmu bagi modal insan serantau melalui kaedah e-pembelajaran. AeU percaya kerjasama erat bersama rakan kongsi institusi luar negara adalah strategi terbaik untuk menonjolkan program yang ditawarkan di pentas dunia.

Selari dengan misinya, AeU sedang giat bekerjasama dengan beberapa universiti, institusi dan syarikat besar di kalangan negara ACD dan juga bukan negara ACD. Langkah ini bertujuan untuk mendapatkan segala kepakaran, prestij dan juga sumber bagi memastikan AeU mampu menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti di samping mempromosi budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Pendidikan berkualiti

AeU adalah sebuah Universiti multinasional yang ditubuhkan di bawah naungan 33 negara Asia Cooperation Dialogue Countries (ACD). AeU melakar reputasinya sebagai sebuah institusi e-pembelajaran yang diiktiraf sebagai sebuah institusi yang berpemikiran ke hadapan, berorientasikan pasaran semasa serta menawarkan pendidikan berkualiti untuk semua golongan melangkaui faktor demografi. Semua program pengajian adalah bertaraf antarabangsa dan diukur berdasarkan tanda aras yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sejak penubuhannya dalam tahun 2007, AeU menerima enrolmen pelajar seramai 16,000 termasuk pelajar antarabangsa dari 60 negara, dan hingga kini berjaya melahirkan lebih 5,000 graduan. Berinspirasi pengalaman pembelajaran bertaraf dunia, AeU nekad mencapai wawasannya untuk menjadi hab pendidikan utama dan pemimpin khususnya dalam pengajian e-pembelajaran yang mampu milik dan kompetitif merentas benua Asia.

AeU menawarkan lebih daripada 40 program akademik, dari Diploma sehingga Doktor Falsafah melalui lima buah sekolah iaitu, Sekolah Pengurusan (SOM), Sekolah Teknologi Maklumat & Komunikasi (SICT), Sekolah Pendidikan & Sains Kognitif (SECS), Sekolah Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) dan Pusat Pengajian Siswazah (SGS). AeU juga menawarkan lebih 200 program eksekutif dan profesional melalui School of Professional and Executive Education (SPEED) dan School of Technical, Engineering Education & Reskilling (STEER). Selain daripada kampus induk di Kuala Lumpur, AeU menubuhkan rangkaian lokasi pembelajaran tempatan yang strategik di bandar utama termasuk kawasan pedalaman di seluruh tanahair. Untuk keterangan lanjut boleh lawati laman web AeU di www.aeu.edu.my.